

PENGURUSAN SOLAT  
SEMPURNA  
DAN KHUSYUK



Imam - berpegang kepada konsep **WAKILAN**;-



- Para makmum mewakilkan kepada imam untuk mengetuai solat mereka dengan hasrat untuk mencapai segala kebesaran dan kemuliaan dalam sembahyang.
- Menyedari bahawa menjadi imam itu adalah suatu **AMANAH**. Nilai penerimaan dan kesempurnaan.
- Seluruh solat anak- anak jemaah bergantung kepada imam.





- Hendaklah menjaga amanah sembahyangnya dalam semua aspek termasuk kesempurnaan **wudhu'**, **pakaian** ucapan perbuatan dan doa.
- Perlu menjiwai solatnya sehingga solat tersebut berupaya mencapai keseluruhan atau sebahagian besar dari maklumat dan sasaran solat berjemaah dan fungsi masjid.
- Solat imam memenuhi nilai-nilai pendidikan kepada para makmum untuk mereka mempelajari dan menikmati mutu sembahyang yang sebenarnya.






- Jika imam melaksanakan dengan **tertib, lembut, tenang** dan **indah**, maka lama kelamaan solat para makmum juga akan mencapai kesempurnaan.
- Tetapi jika imam tidak menunjukkan sembahyang yang bermutu, maka para makmum akan terikut dengan cara sembahyang itu.




# Hubungan Imam & Solat






- Hendaklah menguasai ketenangan dan keindahan jiwa dan fikiran, sebelum masuk ke sejadah imam.
- Hendaklah berusaha mencapai kesempurnaan zahir sebelum memulakan solat.
- Mampu menguasai dan menjiwai bacaan-bacaan dan gerakan - gerakan dalam solat. Kemahiran dan kelembutan bacaan imam, mestilah lebih baik dan lebih indah dari makmum, terutama dari sudut tajwid dan tarannum (**nada dan lagu bacaan yang sesuai dengan solat**).





- Perlu mahir dengan segala teknik dan kaedah (kafiyat) mendirikan solat yang sempurna sekaligus mahir dalam **saktah dan tamakninah** di dalam solat.
- Perlu mendidik anak jemaah mengenai nilai keseragaman perbuatan atau gerakan solat.






- Hendaklah berusaha menghasilkan solat yang **khusyu'** iaitu suatu mutu solat yang tinggi hingga boleh mendidik jiwa manusia menikmati kelazatan dan keindahan solat.
- Hendaklah berusaha menjiwai bacaan- bacaan doa dan menjaga adab berdoa, termasuklah cara melafazkan kalimat-kalimat doa dan nada-nadanya.
- Hendaklah peka kepada suasana makmum dan hal-hal berkaitan dengan solat jemaah serta meneliti tentang saf, kerapatan antara makmum dan persediaan makmum untuk bersama imam sebelum mendirikan solat.
- Hendaklah menjaga tentang nilai **ketinggian, kehormatan** dan **keagungan** solat.






- Hendaklah sedar bahawa solat itu adalah kefardhuan wahyu, kebesaran **Nubuwwah**, kemuliaan hamba, kesatuan umat dan jalan utama mencapai bahagia di dunia dan akhirat.
- Perlu mendidik para makmum tentang matlamat persaudaraan, perpaduan dan kemesraan, melalui solat jemaah.
- Hendaklah berpegang kepada prinsip bahawa teras kesempurnaan solat ialah, keikhlasan, ketenangan, ketertiban, keindahan, kelembutan dan keasyikan yang menjadi ramuan untuk mencapai kebesaran dan kelazatan solat.



# Menu Solat Sempurna



# ETIKA KHATIB DAN KHUTBAH

© www. .com

Disediakan oleh YDP Hj.Ellias, Hj. Zakaria



**Khatib - jawatan khusus yang diberikan kepada orang yang membaca dan menyampaikan khutbah Jumaat, khutbah dua hari raya atau khutbah-khutbah khusus yang lain.**

**- Dilantik di kalangan orang yang mempunyai **keperibadian yang mulia** dan mempunyai **kemahiran bercakap**.**



## Kedudukan khutbah sangat penting kerana:-

- Merupakan ucapan dasar mingguan mengenai umat Islam dan ajaran Islam yang mana setahun **mengandungi 52 ucapan dasar.**
- Merupakan suara rasmi masjid yang juga suara rasmi umat Islam
- Dua khutbah hari raya pula menepati maksud dan makna deklarasi atau pengistiharan tahunan umat Islam (**Deklarasi AidilFitri dan Deklarasi AidilAdha**)



**Khutbah yang baik akan mengandung unsur berikut:**

- **Melengkapi segala syarat sah khutbah.**
- **Khatib memiliki sikap, cara penyampaian ketepatan dan kekuatan bahasa dan Nada, ketenangan dan kejelasan isi dan hujah.**
- **Mengandung rumusan atau kesimpulan peristiwa yang mempunyai pengajaran kepada umat Islam (peristiwa tempatan atau luar negeri).**



- Khatib sentiasa peka dengan suasana dan isu-isu umat Islam semasa.
- Pandai mengaitkan pengajaran, nasihat, isu dan lain-lain isi dengan dalil **Al-Quran dan hadith.**
- Mengandungi nasihat-nasihat bernas dan menepati suasana masyarakat Islam semasa.



- **Mengandung peringatan, nasihat, pujukan dan pembentukan sikap umat Islam.**
- **Sasarannya membimbing umat Islam supaya mengamalkan kebaikan dan menjauhkan larangan Allah.**





- Mengandung unsur peringatan kepada umat Islam tentang tanggungjawab kepada Allah dan semasa manusia.
- Mengandung pujukan dan rayuan supaya umat Islam menghormati, menghadiri dan menyumbang kepada masjid.



# Cermin Murni Imam/ Khatib





**SEKIAN...TERIMA KASIH**

**“Sesungguhnya yang baik datang dari ALLAH dan yang buruk datang daripada saya sendiri....”**

***Disediakan oleh:  
YDP Hj Ellias Hj.Zakaria***